

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian telah menyiasat dakwaan bahawa bawang putih (*garlic*) yang diimport dari China mengandungi bahan kimia dan bahan peluntur (*bleach*) yang amat berbahaya

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan sama ada makanan yang diimport atau makanan keluaran tempatan bagi memastikan makanan dijual adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Dari segi makanan yang diimport, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak pengimport untuk memastikan makanan yang dibawa masuk oleh mereka adalah selamat dan mematuhi perundangan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi aktiviti pemantauan terhadap bawang putih (*garlic*) yang diimport dari China ke negara ini, sepanjang tahun 2015 hingga Jun 2016 sebanyak 387 konsainan bawang putih diperiksa di mana 75 sampel bawang putih diambil untuk dianalisis. Semua sampel yang diambil mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan penguatkuasaan di pintu masuk secara berterusan, KKM memberi jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa risiko bahaya daripada bawang putih (*garlic*) import adalah pada tahap yang rendah.